

Tutorial ICT

Bersama **FIRKHAN**

firkhan.uthm@yahoo.com



Etika tulararkan mesej

APLIKASI media sosial seperti WhatsApp, Facebook, Instagram dan sebagainya menyediakan satu ruang komunikasi maya yang sangat cepat, mudah dan murah sehinggakan membolehkan penularan sesuatu mesej atau berita itu dibuat dengan pantas.

Pada mulanya, aplikasi media sosial ini dibangunkan untuk tujuan penggunaan individu dan masyarakat bersosial secara tidak rasmi di alam maya. Mereka boleh bertukar-tukar cerita, pandangan, berita, majlis dan apa sahaja maklumat sesama mereka dengan cepat dan berkesan.

Namun begitu, kecekapan dan keberkesanannya membuatkan media sosial ini digunakan untuk tujuan pemasaran dan pengurusan perjalanan sesebuah syarikat atau organisasi. Pengurusan perjalanan sesebuah organisasi merupakan sesuatu bersifat rasmi dan berperaturan, Jadi, ia perlu diasimilasikan dengan baik dengan penggunaan media sosial yang bersifat tidak rasmi dan santai ini.

Penggunaan media sosial untuk tujuan kerja seperti mewujudkan akaun kumpulan kerja media sosial perlu dikendalikan dengan baik oleh ketua yang bertanggung jawab. Perlu ada etika, tata cara, perundangan dan adab yang betul dan bersesuaian dalam mengendalikannya.

Perkara paling penting adalah penggunaannya tidak membazirkan sumber-sumber organisasi sedia ada.

Sebagai contoh, terdapat satu kereta baharu berpelekat kenderaan pekerja. Seorang pekerja tidak berpuas hati kerana tidak tahu siapa empunya milik kereta baru ini lalu menangkap gambar kereta itu tanpa keizinan pemilik kereta dan menularnya dalam kumpulan kerja media sosial WhatsApp.

Setelah itu, dibuat carian dalam sistem untuk mencari siapa empunya pemilik kereta ini. Setelah dapat maklumat, ditularnya lagi tanpa keizinan pemilik kereta ini ke dalam kumpulan kerja media sosial WhatsApp.

Menerusi contoh, kelihatan mesej atau berita itu ditular adalah perkara biasa tetapi adakah perkara tersebut mendatangkan faedah kepada organisasi? Adakah mesej yang ditular itu berupaya meningkatkan produktiviti organisasi?

Jawapannya sudah tentu tidak. Malah, pekerja itu telah membazirkan sumber masa, pekerja, Internet dan lain-lain kepunyaan organisasi secara tidak bertanggung jawab dengan menghantar mesej gosip yang remeh-temeh ini.

Perkara seperti ini perlu dipertanggung jawab dan diurus dengan baik oleh ketua pentadbiran.

Sekiranya contoh penularan berita diselit dengan perkara tidak baik atau ditular semula dengan andaian negatif akan merosakkan perjalanan ekosistem sesebuah organisasi. Penularan mesej menerusi kumpulan kerja media sosial itu boleh menjadi sumber tekanan baharu kepada para pekerja dan mewujudkan suasana persekitaran yang tidak baik dan tidak hijau.

Adakalanya, perlu menjaga tepi kain orang lain tetapi janganlah semuanya yang didalam kain orang lain pun hendak dijaga. Elakkan penularan berita palsu, fitnah, gosip dan perkara tidak berfaedah sesuai dengan akta berita palsu. Ingat, kita semua akan dikembalikan kepada Allah.